

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan aspek-aspek berkaitan metodologi kajian yang digunakan dengan lebih jelas dan terperinci. Aspek-aspek tersebut ialah reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, metode pengumpulan data, kajian rintis dan penganalisan data. Di samping menjelaskan metodologi kajian, dalam bab ini juga akan diterangkan tentang latar belakang Unit Rundingcara Keluarga, Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang dipilih sebagai tempat kajian.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kolerasi yang menggunakan instrumen soal selidik sebagai pengumpulan maklumat kajian. Kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklumat daripada responden berhubung pelaksanaan ibadat solat mereka dan melihat adakah wujud hubungan antara pelaksanaan ibadat solat dengan konflik rumahtangga.

Menurut Mohd Majid Konting¹, soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, kehendak dan sebagainya. Ia juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas atau jawapan yang diberikan oleh subjek dan tidak dipengaruhi oleh personaliti atau tingkah laku penyelidik. Subjek juga terasa dirinya selamat untuk memberikan jawapan yang tepat dan benar.

¹ Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 96.

Pengkaji berpendapat bahawa kaedah ini sesuai dengan objektif kajian bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan lengkap. Segala item yang digunakan adalah untuk mengukur dan mengenal pasti tahap pelaksanaan solat dan hubungannya dengan konflik rumahtangga.

Melalui kajian ini, terdapat dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Bagi pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah pelaksanaan ibadat solat dan konflik rumahtangga. Manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula adalah jantina, tahap sosio ekonomi dan pendidikan. Pemboleh ubah tidak bersandar ini akan menyumbang kepada pemboleh ubah bersandar iaitu pelaksanaan ibadat solat dan konflik rumahtangga.

3.3 METODE PENGUMPULAN DATA

Kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan untuk mengumpulkan data yang diperlukan. Kaedah tersebut ialah kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

3.3.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan merupakan bahagian yang penting dalam kajian ini. Melalui kajian ini maklumat seperti definisi dan konsep-konsep yang berkaitan dengan kajian dapat diperolehi. Kajian perpustakaan sangat membantu untuk menyediakan pengenalan kepada kajian dan landasan teori dalam bab satu dan bab dua. Daripada kajian perpustakaan juga, kajian dan penelitian ke atas kajian-kajian lepas yang berkaitan dapat dilakukan dan seterusnya dapat mengenal pasti kedudukan kajian ini. Selain itu juga dapat membantu penyelidik untuk merangka kandungan borang soal selidik.

Kajian perpustakaan melibatkan pencarian bahan-bahan sekunder seperti buku-buku ilmiah, jurnal, kertas kerja, disertasi dan juga tesis. Kajian perpustakaan digunakan sebagai asas dalam bab satu dan bab dua. Ia juga digunakan untuk menyokong dapatan-dapatan yang diperolehi daripada kajian lapangan.

3.3.2 Kajian Lapangan

Sebahagian daripada data yang digunakan dalam kajian ini merupakan data yang diperolehi daripada kajian lapangan. Data ini merupakan data primer kajian. Metode kajian lapangan yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dan temu bual.

3.3.2.1 Soal Selidik

Soal selidik merupakan satu bentuk instrumen yang banyak digunakan oleh penyelidik-penyelidik dalam bidang pendidikan untuk memperolehi fakta tentang suatu keadaan dan amalan yang sedang berlaku. Di samping juga digunakan untuk mengkaji berkenaan dengan sikap dan pendapat tentang sesuatu perkara.² Oleh itu dalam kajian ini, soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan ibadat solat, kategori konflik rumahtangga dan adakah terdapat hubungan antara pelaksanaan ibadat solat dengan konflik rumahtangga yang mereka hadapi. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian.³ Pembinaan instrumen soal selidik ini diubah suai dari soal selidik Mohd Suhardi Mat Jusoh⁴ yang mengkaji pengabaian solat fardu di kalangan remaja di daerah Pasir Putih, Kelantan dan juga Nor Azira binti Yusoff⁵ yang mengkaji hubung kait antara

² Deobold B. Van Dalen (1962), *Understanding Educational Research: An Introduction*. New York: Mc Graw-Hill Book Company, Inc., h. 254.


³ Lihat lampiran soal selidik.

⁴ Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004), *op.cit*.

⁵ Noor Azira bt Yusoff, (2008), *Hubung kait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur, Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*.

pengabaian solat dengan buruk laku individu di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur. Penulis kemudiannya telah mengubah suai soalan tersebut untuk disesuaikan dengan tajuk kajian.

Pengumpulan data melalui soal selidik ini dilaksanakan seperti berikut:



Rajah 2

Berdasarkan rajah 2 di atas, proses pengumpulan data melalui instrumen soal selidik yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian A mengandungi maklumat peribadi responden. Bahagian B adalah berkaitan pelaksanaan solat responden yang mengandungi 10 item. Bahagian C pula berkaitan dengan konflik rumahtangga responden yang mengandungi 12 item. Jadual 1 menunjukkan taburan bahagian-bahagian dan jumlah item dalam borang soal selidik.

Jadual 3.1: Taburan Item Mengikut Bahagian Dalam Borang Soal Selidik Kepada Responden

<i>Bahagian</i>	<i>Elemen</i>	<i>Item (Nombor)</i>	<i>Bil</i>
Bahagian A	Jantina	1	1
	Umur	2	1
	Taraf Pendidikan Tertinggi	3	1
	Pendidikan Agama	4	1
	Status Pekerjaan	5	1
	Pekerjaan	6	1
	Pendapatan Bulanan	7	1
	Pendapatan Bulanan Keluarga	8	1
	Tempoh Perkahwinan	9	1
	Bilangan Anak	10	1
Bahagian B	Tahap pelaksanaan ibadat solat fardu.	1-10	10
Bahagian C	Permasalahan rumah tangga	1-12	12
<i>JUMLAH</i>		32	32

Sumber: soal selidik

Bahagian A mengandungi 10 item yang berkaitan dengan maklumat demografi atau latar belakang responden. Sebanyak 10 item dikemukakan dalam bahagian ini iaitu jantina, umur, taraf pendidikan tertinggi, pendidikan agama, pekerjaan, pendapatan dan tempoh perkahwinan. Responden di minta memberikan jawapan bagi setiap item.

Bahagian B mengandungi 12 item soalan-soalan yang berkaitan didikan awal ibadat solat, pelaksanaan ibadat solat, sebab-sebab tidak melaksanakan solat serta tahap pelaksanaan ibadat ini. Di dalam bahagian ini, soalan aneka pilihan (multiple choice) telah disediakan. Responden dikehendaki menjawab soalan berdasarkan kepada amalan mereka secara jujur di mana tiada jawapan betul dan salah. Soalan senarai semak (checklist question) juga telah disediakan iaitu responden dibenarkan untuk menjawab lebih dari satu jawapan yang telah disediakan. Tujuan soalan jenis ini dikemukakan ialah untuk

mendapatkan sebanyak mungkin daripada responden dengan cara berstruktur⁶. Semua item ini berbentuk positif dan perlu dijawab oleh responden.

Bahagian C mengandungi soalan-soalan berkaitan konflik ruma tangga. Ia terdiri daripada 13 item berpandukan skala likert 5 mata. Setiap item dijawab dengan menandakan satu daripada 5 skala likert tersebut, iaitu:

1. Sangat Tidak Setuju
2. Tidak Setuju
3. Tidak Pasti
4. Setuju
5. Sangat Setuju

Skala “Sangat Tidak Setuju” membawa maksud, responden amat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Skala “Tidak Setuju” bermaksud, responden beranggapan pernyataan tersebut tidak benar. Skala “Tidak Pasti” bermaksud responden tidak dapat menentukan dengan jelas pernyataan tersebut. Skala “Setuju” bermaksud, responden beranggapan pernyataan tersebut adalah benar. Skala “Sangat Setuju” bermaksud, responden amat yakin dengan kebenaran pernyataan tersebut.

Soal selidik yang telah dibentuk ini telah melalui semakan dan pembaikan berdasarkan maklum balas responden dalam ujian rintis. Soalan-soalan dan bentuk jawapan yang mengelirukan responden serta tidak menjejaskan objektif kajian telah dibuang. Pengedaran soal selidik kepada responden telah dilakukan oleh Pegawai Perunding Keluarga di Unit Rundingcara Keluarga seramai enam orang. Soalan ini diserahkan kepada responden sama ada sebelum atau selepas sesi runding cara dilaksanakan mengikut

⁶ Zainal Mat Saat, (2003), Statistik Awalan, Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn.Bhd., h.105

kesesuaian dan keselesaan responden ketika itu⁷. Setiap pegawai tersebut, penulis telah menyerahkan sebanyak 40 salinan soal selidik beserta cenderahati kepada responden. Hanya dengan cara ini sahaja yang telah dipersetujui oleh pihak Unit Rundingcara Keluarga⁸ dan paling sesuai untuk responden. Ini kerana faktor yang paling utama adalah keadaan responden sendiri semasa datang ke Unit ini bersama dengan masalah rumahtangga masing-masing. Ini menyebabkan mereka agak sukar memberikan kerjasama bagi mengisi borang soal selidik dengan sempurna.

Soal selidik juga turut diberikan kepada pegawai perunding keluarga seramai enam orang. Ia dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A mengandungi maklumat peribadi pegawai serta soalan berkaitan temujanji bersama responden. Bahagian B adalah berkaitan pelaksanaan solat responden yang mengandungi 9 item berpandukan skala likert 5 mata. Setiap item dijawab dengan menandakan satu daripada 5 skala likert tersebut, iaitu:

6. Sangat Tidak Setuju
7. Tidak Setuju
8. Tidak Pasti
9. Setuju
10. Sangat Setuju

Di samping itu, satu soalan senarai semak(checklist question) juga telah disediakan iaitu pegawai dibenarkan untuk menjawab lebih dari satu jawapan yang telah disediakan yang berkaitan faktor klien meninggalkan solat lima waktu. Soalan berbentuk memberikan pandangan juga diajukan untuk melihat perkaitan pelaksanaan solat dan konflik rumah

⁷ Temubual bersama Ustazah Anisah, Ustaz Haiyazid dan Ustaz Zakaria, Pegawai Perunding Keluarga pada 1 Mac 2010 (Isnin), 11.30 pagi

⁸ Perbincangan bersama Pegawai Perunding Keluarga, Ustazah Anisah bt Musa pada November 2009.

tangga. Jadual 1 menunjukkan taburan bahagian-bahagian dan jumlah item dalam borang soal selidik.

Jadual 3.2 : Taburan Item Mengikut Bahagian Dalam Borang Soal Selidik Kepada Pegawai Perunding

<i>Bahagian</i>	<i>Elemen</i>	<i>Item (Nombor)</i>	<i>Bil</i>
Bahagian A	Nama	1	1
	Umur	2	1
	Taraf Pendidikan Tertinggi	3	1
	Mula berkhidmat di JAWI	4	1
	Mula berkhidmat sebagai pegawai perunding keluarga	5	1
	Jumlah kes rundingcara dalam tempoh seminggu	6	1
	Jumlah kes rundingcara perseorangan dalam tempoh seminggu	7	1
	Jumlah kes rundingcara berpasangan dalam tempoh seminggu	8	1
	Kebiasaan klien yang hadir- lelaki atau wanita	9	1
Bahagian B	Pelaksanaan ibadat solat fardu klien.	1-9	9
	Faktor klien meninggalkan ibadat solat	1	1
	Pandangan pegawai berkaitan pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga	1	1
<i>JUMLAH</i>		20	20

Sumber: soal selidik

Bahagian A mengandungi 9 item yang berkaitan dengan maklumat peribadi serta latar belakang pekerjaan pegawai. Sebanyak 9 item dikemukakan dalam bahagian ini iaitu nama, umur, taraf pendidikan tertinggi, perkhidmatan di JAWI, kekerapan mengendalikan kes rundingcara dalam tempoh seminggu. Pegawai di minta memberikan jawapan bagi setiap item.

Bahagian B mengandungi 9 item berpandukan skala likert 5 mata iaitu soalan-soalan yang berkaitan sebab-sebab tidak melaksanakan ibadat solat oleh klien. Di dalam bahagian ini juga terdapat soalan senarai semak(checklist question), iaitu pegawai

dibenarkan untuk menjawab lebih dari satu jawapan yang telah disediakan. Tujuan soalan jenis ini dikemukakan ialah untuk mendapatkan sebanyak mungkin jawapan daripada pegawai dengan cara berstruktur⁹. Pegawai juga di minta memberikan pandangan berkaitan hubungan pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga.

3.3.2.2 Temu bual

Selain daripada menggunakan kaedah soal selidik, kaedah temu bual berstruktur turut digunakan. Temu bual berstruktur dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang dapat menyokong dapatan kajian terutamanya dalam penulisan bab empat dan bahagian rumusan. Temu bual telah dilakukan ke atas individu-individu yang terlibat secara langsung dengan responden iaitu Pegawai Perunding Keluarga yang bertugas untuk mendengar permasalahan rumah tangga serta memberikan khidmat nasihat kepada mereka.

3.4. POPULASI SAMPEL

Unit Rundingcara Keluarga, JAWI berperanan dalam usaha untuk membantu rumah tangga muslim menyelesaikan permasalahan mereka di Wilayah persekutuan. Terdapat dua sesi runding cara yang boleh dipilih oleh klien bagi mendapatkan khidmat nasihat. Pertamanya runding cara semasa(pandangan) iaitu klien akan terus dapat bertemu pegawai perunding tanpa direkodkan maklumat peribadi dan permasalahannya di dalam fail secara khusus dan tiada susulan untuk sesi runding cara seterusnya. Keduanya runding cara berfail(rasmi) iaitu maklumat peribadi dan permasalahan rumahtangga akan direkodkan secara khusus di dalam fail serta kes ini boleh dipanjangkan ke mahkamah Syariah.

⁹ Zainal Mat Saat, (2003), Statistik Awalan, Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn.Bhd., h.105

Pada tahun 2008¹⁰, bagi rundingcara semasa mencatatkan sebanyak 1140 aduan, bagi rundingcara berfail berjumlah 669 aduan. Manakala tahun 2009¹¹ pula sebanyak 711 aduan bagi rundingcara semasa dan 773 aduan bagi runding cara berfail. Populasi dalam kajian ini melebihi daripada 1000 orang responden lelaki dan wanita yang hadir untuk mendapatkan khidmat nasihat di Unit ini. Manakala pemilihan sampel kajian adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) iaitu ciri-ciri responden yang diperlukan untuk kajian ini telah ditetapkan. Ciri-ciri tersebut ialah terdiri daripada responden lelaki dan perempuan yang hadir untuk mendapatkan khidmat nasihat secara rundingcara dan pandangan di Unit Rundingcara Keluarga, JAWI . Mempunyai permasalahan rumahtangga, terdiri daripada tahap pendidikan yang berbagai dan mempunyai status sosio ekonomi yang berbeza. Daripada ciri-ciri yang telah ditetapkan, responden akan dipilih menggunakan persampelan bertujuan ini menyebabkan subjek-subjek kajian lain dalam populasi tidak berpeluang untuk dipilih sebagai responden¹². Sampel begini bukan merupakan sampel rawak dan hasil kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada seluruh populasi kerana sampel tersebut tidak mewakili semua responden dalam populasi tersebut¹³. Keputusan kajian ini hanya mewakili kumpulan subjek kajian penulis sahaja. Bagi kajian ini penulis memerlukan 100 responden yang hadir untuk mendapatkan khidmat nasihat di Unit Rundingcara Keluarga, JAWI mulai Mac hingga Ogos 2010.

3.5 KAJIAN RINTIS

¹⁰ Lihat lampiran A

¹¹ Lihat lampiran B

¹² Chua Yan Piaw, (2006), Kaedah Penyelidikan, Buku 1, Malaysia: Mac Graw Hill Education, h. 201

¹³ Ibid.

Sebelum kajian sebenar dilakukan, satu kajian rintis (pilot test) telah diadakan di Unit Khidmat Nasihat, Bahagian Undang-undang Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Melaka yang melibatkan 31 responden. Unit tersebut dipilih kerana respondennya mempunyai ciri persamaan dengan ciri responden yang diperlukan untuk kajian. Tujuan kajian rintis diadakan adalah untuk mengetahui sejauh mana soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik sesuai dan difahami oleh responden. Kajian rintis ini juga bertujuan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik. Oleh itu mana-mana soalan yang tidak sesuai atau sukar difahami atau boleh mengelirukan boleh diperbaiki atau pun ditiadakan.¹⁴

Untuk menganggarkan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik, pekali *alpha Cronbach* digunakan¹⁵ melalui perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 17.0. Dapatan daripada kajian rintis, nilai pekali *alpha Cronbach* ialah 0.674. Dalam statistik kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan pekali alfa Cronbach, nilai alfa 0.65 hingga 0.95 dianggap memuaskan kerana nilai yang terlalu rendah menunjukkan keupayaan item-item instrumen kajian mengukur konsep dalam kajian adalah rendah manakala nilai alfa yang terlalu tinggi pula mungkin menunjukkan semua item adalah serupa atau bertindih antara satu sama lain¹⁶.

Berdasarkan dapatan dan maklum balas daripada kajian rintis, pengkaji telah memperbaiki beberapa item dalam borang soal selidik. Antaranya dalam bahagian B, pada asalnya terdapat 11 item telah dikurangkan kepada 10 item. Soalan yang tidak diperlukan ialah berkaitan kekerapan solat. Dalam bahagian C pula, berkaitan masih sayangnya pada rumahtangga telah ditiadakan. Tujuannya agar responden memberikan jawapan yang pasti

¹⁴ Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *op.cit.*, h. 83.

¹⁵ Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 171.

¹⁶ Chua Yan Piaw, (2006), *Asas Statistik Penyelidikan*, Buku 2, Malaysia: Mc Graw Hill, h. 84.

kepada soalan sebelumnya. Begitu juga item-item dalam semua bahagian telah diperbaiki dari segi bahasa agar tidak mengelirukan responden.

Setelah beberapa pembaikan dilakukan, barulah soal selidik tersebut digunakan dan ditadbirkan kepada responden yang sebenar untuk mendapatkan maklumat-maklumat atau data yang diperlukan bagi kajian ini.

3.6 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Prosedur pengumpulan data dijalankan secara berperingkat supaya berjalan lancar dan telus. Langkah pertama adalah mendapatkan kelulusan tajuk kajian daripada Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam. Apabila kelulusan tajuk kajian telah diperolehi, tindakan seterusnya ialah membuat surat permohonan untuk menjalankan penyelidikan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Setelah kebenaran bertulis diperolehi, penulis telah menyerahkan¹⁷ 50 salinan soalan kepada Unit Rundingcara Keluarga, JAWI bagi menguji soalan-soalan yang dibina untuk memastikan soalan-soalan ini boleh difahami dan dapat dijawab dengan sewajarnya oleh responden. Soalan yang dibina ini mengandungi 4 bahagian dan mengandungi 10 hingga 20 item pada setiap bahagian. Pada 3 Januari 2010, penulis dapat mengumpulkan 30 salinan soal selidik yang telah diisi oleh responden. Setelah di analisis, penulis mendapati, soalan-soalan tersebut perlu diubah suai semula kerana nilai pekali *alpha Cronbach* ialah 0.4330 (Bahagian B) dan nilai *alpha* ialah 0.3813 (Bahagian C). Nilai ini adalah rendah serta perlu kepada pengubahsuaian. Daripada jawapan responden ini, penulis mendapati, soalan-soalan yang banyak ini agak membebankan dan mengelirukan responden. Oleh yang demikian, penulis menstrukturkan semula soalan tersebut dengan mengurangkannya kepada tiga bahagian

¹⁷ Mula diedarkan pada 28 Oktober 2009, melalui Pegawai Perunding Keluarga, JAWI

sahaja serta mengandungi 10-12 item. Bagi ujian rintis, penulis telah menghantar 50 salinan soal selidik dengan bantuan Penolong Pengarah Kanan¹⁸ Unit Pembangunan Keluarga, Bahagian Undang-undang Syariah, Jabatan Agama Islam Melaka. Daripada 50 set soalan ini hanya 31 set sahaja¹⁹ yang boleh diguna pakai untuk di analisis.

Berdasarkan dapatan analisis ujian rintis, iaitu nilai pekali *alpha Cronbach* ialah 0.674, maka penulis berkeyakinan untuk menggunakan dan mentadbirkan soal selidik kepada responden sebenar untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kajian ini.

Dalam usaha menjalankan soal selidik yang sebenar, pengkaji juga telah memohon kebenaran daripada Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga, JAWI. Penulis juga telah berbincang dengan Pegawai Perunding Keluarga²⁰ berkaitan cara yang paling sesuai untuk menyerahkan soalan soal selidik kepada responden. Hasil perbincangan ini telah memutuskan bahawa soalan akan diserahkan kepada responden melalui Pegawai Perunding Keluarga sama ada sebelum atau selepas sesi runding cara dijalankan.

Usaha mengumpul data menggunakan borang soal selidik ini mengambil masa yang lama kerana melihat kepada situasi responden yang sedang menghadapi permasalahan rumah tangga. Penulis tidak dapat melibatkan diri secara langsung dalam pengagihan dan penerangan terhadap borang soal selidik ini dan hanya bergantung sepenuhnya kepada kerjasama Pegawai Perunding Keluarga dan responden.

¹⁸ Ustazah Yusida Yusof, Penolong Pengarah Kanan, Unit Khidmat Nasihat, Bahagian Undang-undang Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Melaka pada 15 Januari 2010, 10 pagi, di pejabat beliau, JAIM.

¹⁹ Diterima pada 26 Februari 2010.

²⁰ Perbincangan bersama Ustazah Anisah Musa, Pegawai Perunding Keluarga, pada 1Mac 2010, jam 11.30am, di pejabat beliau, JAWI

Apabila semua borang soal selidik yang diisi oleh responden telah dikumpulkan dan disemak, prosedur terakhir yang perlu dilakukan ialah memasukkan semua data yang diperoleh ke dalam komputer dengan menggunakan perisian SPSS untuk diproses dan dianalisis.

3.7 PENGANALISAAN DATA

Penulis telah mengumpulkan semua maklumat dan dapatan yang diperoleh daripada borang soal selidik. Penyemakan dibuat ke atas setiap helaian soalan bagi memastikan semua soalan di jawab oleh responden mengikut arahan yang betul.

Data-data ini kemudiannya akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 17.0. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif di gunakan untuk melihat kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

Manakala statistik inferensi adalah untuk memperolehi data ujian t, Anova satu hala dan Pekali Spearman, bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian. Ujian t digunakan untuk menguji perbezaan tahap pelaksanaan ibadat solat dan tahap konflik rumah tangga responden berdasarkan jantina, pendidikan dan pendapatan. Paras keyakinan 95 peratus ($p > 0.05$) digunakan untuk menentukan aras signifikan statistik bagi mengurangkan ralat persampelan²¹. Anova satu hala digunakan untuk melihat perbezaan tahap pelaksanaan ibadat solat dan konflik rumah tangga responden berdasarkan jantina, pendidikan dan pendapatan. Kolerasi Spearman digunakan untuk menganalisis perhubungan antara pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga responden.

²¹ Mohd. Majid Konting, op.cit, h 123

3.8 LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan²² (JAWI) ditubuhkan pada 1 Februari 1974 dan peringkat awalnya dengan nama Urusetia Majlis dengan tujuan untuk melancarkan perjalanan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) terdiri dari bahagian-bahagian yang beroperasi untuk memberikan perkhidmatan kepada orang awam. Di mana setiap bahagian mempunyai fungsi dan tugas yang tertentu mengikut bahagian masing-masing. Cawangan Labuan diwujudkan pada 16 April 1984 manakala Cawangan Putrajaya pula diwujudkan pada 1 Ogos 2001. Peranan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah diperluaskan kepada beberapa bidang antaranya penyelidikan, memberi pendidikan serta keperluan guru yang mencukupi untuk mendidik anak masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan, menjalankan aktiviti dakwah dan kebajikan, pengurusan saudara baru yang lebih konsisten, pengurusan zakat , wakaf dan Baitulmal, penguatkuasaan & Pendakwaan serta memberi kaunseling kepada pasangan bermasalah, pentadbiran Undang-undang Keluarga yang lebih sistematik, menerbitkan dan mengedarkan majalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti JAWI dan kitab-kitab agama dan penyelidikan fatwa.

Salah satu bahagian yang terpenting di JAWI ialah Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Undang-Undang Syariah (PUS). Bahagian ini terdiri daripada tiga cawangan iaitu Cawangan Pentadbiran & Kewangan, Cawangan Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk dan Cawangan Rundingcara dan Pembangunan Keluarga Islam.

²² Lawati web: www.jawi.gov.my

Tempat kajian penulis adalah di Unit Rundingcara Keluarga, Cawangan Rundingcara dan Pembangunan Keluarga Islam. Antara fungsi²³ unit ini ialah memberi perkhidmatan rundingcara dan nasihat dalam menyelesaikan masalah kekeluargaan Islam, mengadakan sesi rundingcara dan bimbingan kepada pengaduan kes masalah rumahtangga bagi aduan rasmi atau kes-kes berdaftar atau kes semasa (pandangan) dan secara telefon (hotline). Pegawai Perunding Keluarga juga dilantik oleh Mahkamah Syariah sebagai pengerusi dalam pengendalian Jawatankuasa Pendamai. Kajian penulis hanya tertumpu di Unit Rundingcara Keluarga (URK) sahaja kerana responden yang menghadapi konflik rumahtangga akan terus merujuk ke unit ini untuk mendapatkan khidmat nasihat. Unit ini dipilih kerana ia merupakan badan yang berautoriti dan bertanggungjawab terhadap aduan serta penyelesaian masalah rumahtangga serta merancang dan melaksanakan aktiviti atau program pengukuhan institusi kekeluargaan. Di samping itu, Unit ini melaksanakan peranannya bagi keseluruhan lima kawasan di Wilayah Persekutuan iaitu Damansara, Kuala Lumpur, Kepong, Setapak dan Sungai Besi. Ini menjadikan Unit Rundingcara Keluarga, JAWI sebagai tempat tumpuan bagi aduan permasalahan keluarga secara berpusat. Keadaan ini memberikan kemudahan kepada penulis dalam mengedarkan soal selidik bagi proses pengumpulan data. Selain itu, Unit Rundingcara Keluarga di bawah pentadbiran JAWI ini agak berbeza dengan Jabatan Agama Islam Negeri yang lain di Malaysia iaitu dalam pengendalian kes aduan permasalahan keluarga adalah mengikut daerah-daerah secara berasingan.

²³ Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), www.jawi.gov.my, 12 Mei 2011